

Pencemaran melampau



SEPANJANG muara Sungai Linggi kini dipenuhi sampah.

NOR AZIAH OTHMAN | BERITA HARIAN

Perosak hidupan air, sumber pendapatan nelayan Sungai Linggi

Oleh Nor Aziah Othman
bhnews@bharian.com.my

PORT DICKSON: Pencemaran muara Sungai Linggi kini semakin membimbangkan hingga menggugat mata pencarian nelayan yang bergantung hidup kepada hasil tangkapan di sungai itu.

Air sungai keruh akibat perbuatan tidak bertanggungjawab pihak yang menjadikannya tempat pembuangan sampah dan sisa bahan pembinaan.

Tinjauan *Sentral* mendapati pelbagai jenis sampah bertaburan di sepanjang

“Dulu, hasil tangkapan ikan dan udang tidak pernah mengecewakan, tetapi kini semakin sukar untuk mencari rezeki”

Nazaruddin Hamid
Nelayan

muara sungai berkenaan dengan sesetengahnya tersangkut pada tunggul kayu di tebing sungai.

Turut ditemui beberapa tong minyak pelincir yang masih bersisa dibuang ke dalam sungai itu, dipercayai dilakukan kontraktor yang menjalankan projek tertentu di kawasan hulu sungai.

Nelayan, Norizan Mohd

Ali, 50, mendakwa berikutan pencemaran itu, hasil tangkapan mereka makin berkurangan, selain mengalami kerugian kerana sampah merosakkan pukat.

"Limpahan sampah yang banyak dari kawasan hulu terperangkap di pukat, menyebabkan setiap hari kami terpaksa membuang masa hingga tiga jam untuk me-

ngeluarkan sampah saja.

"Kami mengeluarkan belanja sendiri untuk memperbaiki pukat koyak akibat tersangkut pada sampah," katanya kepada *Sentral*.

Rakannya, Nazaruddin Hamid, 40, mendakwa nelayan menyedari hidupan sungai itu, terutama ikan dan udang kini semakin terancam dan tidak mustahil pupus jika pencemaran tidak dikawal.

"Kami bimbang limpahan sampah yang banyak ini merosakkan ekosistem dan membunuh hidupan sungai untuk jangka panjang, selain keadaan itu turut mencacatkan pemandangan bagi pe-

lancong yang datang ke kawasan itu," katanya.

Nazaruddin mendakwa, pihaknya beberapa kali melaporkan perkara itu kepada pihak berkuasa termasuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Jabatan Perikanan, tetapi sering menerima alasan perkara itu dalam pertimbangan dan kajian pihak terbabit.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Perlindungan, Sumber Manusia, Alam Sekitar dan Pengaduan Awam negeri, Datuk V S Mogan, ketika dihubungi berkata beliau akan menyiasat perkara itu.